



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - COVID-19: Abdul Rahim Nasihat Rakyat Untuk Terus
Sabar, Tidak Panik

☐ Selasa, Mac 17 2020☐ ☐

KOTA KINABALU, 17 Mac -- Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Abdul Rahim Bakri meminta pemimpin masyarakat melakukan kempen kesedaran dalam kalangan rakyat terhadap inisiatif kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19.

Mereka khususnya perlu menasihatkan rakyat supaya menangguhkan majlis atau perhimpunan buat sementara waktu sehingga keadaan kembali pulih, katanya.

Rakyat perlu memberi kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi arahan pelbagai agensi khususnya Kementerian Kesihatan supaya segala usaha akan membuahkan hasil.

“Keselamatan dan kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerajaan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) diterajui Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan memimpin seluruh pucuk pimpinan negara dan penjawat awam untuk memberi hala tuju terbaik dalam usaha menangani gejala ini.

Semalam, Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia akan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa 18 Mac hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19.

Ini adalah pertama kali dalam sejarah, Malaysia menguatkuasakan perintah seumpama itu.

Sementara itu, Abdul Rahim yang juga Ahli Parlimen Kudat turut menggesa individu terlibat dalam perhimpunan Ijtimak Tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur supaya tampil segera menghubungi hospital terdekat selain mengehendkan pergerakan kerana mereka dijangkiti COVID-19 dikhuatiri akan menyebarkan virus itu.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data